



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

**PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2017 FELCRA
BERHAD**

RUANG LEGAR WISMA FELCRA BERHAD

18 OGOS 2017 (JUMAAT)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

ALUAN-ALUAN

Bismillahi-rahmani-rahim

Assalamualikum W.B.T

Salam Sejahtera, Salam Merdeka

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia, rahmat serta hidayah-Nya, kita semua dapat berkumpul, bagi bersama-sama meraikan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan, Peringkat FELCRA Berhad.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Sri Bung Moktar Radin, Pengerusi FELCRA Berhad, kerana menganjurkan Perhimpunan Warga FELCRA, sekali gus bakal menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-60.
3. Saya juga gembira kerana FELCRA Berhad menerusi Bahagian Seranta akan menganjurkan sambutan bulan kemerdekaan di semua lapan wilayahnya secara berperingkat.
4. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh tenaga pengurusan tertinggi serta warga kerja FELCRA di peringkat ibu pejabat, kerana menghadirkan diri untuk bersama menghayati semangat kental pejuang-pejuang kemerdekaan yang berjuang membebaskan tanah air dari belenggu penjajah, kira-kira 60 tahun lalu.

BERKONGSI SEMANGAT KEMERDEKAAN

Sidang hadirin yang dimulikan sekalian,

5. Melihat kepada kehadiran yang cukup memberangsangkan pada pagi ini, saya berasa yakin, bahawa setiap seorang daripada kita berada di sini kerana ingin sama-sama memperingati satu peristiwa amat penting dalam sejarah perjalanan negara, yakni kemerdekaan Malaysia tercinta, pada tanggal 31 Ogos 1957.
6. Justeru, ayuh renungkanlah sejenak sedalam-dalamnya, dan tanyalah sanubari masing-masing, apakah setiap dari kita ini, benar-benar mengerti serta menghayati maksud kemerdekaan.

7. Satu perkara yang tidak boleh dilupakan, apabila kita dapat berkumpul dalam suasana yang cukup aman dan harmoni sebegini, maka tidak ada sesiapa yang boleh menafikan bahawa, ia adalah berkat jasa, bakti dan pengorbanan para perajurit serta anggota keselamatan tanah air yang selama ini tidak mengenal erti penat lelah, berkorban apa sahaja, bagi menjamin rakyat dapat hidup dalam keadaan aman sentosa.

8. Justeru, kita menolak sebarang bentuk tindak- tanduk yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan hanya menyusahkan rakyat, kerana ia tidak langsung mencerminkan kematangan, bahkan ia jelas bertentangan prinsip hidup dalam sebuah negara berdemokrasi.

9. Perlu diingat, sebetulnya kemerdekaan hanya datang sekali. Ia bukanlah barang mainan, mahupun timbul berulang-ulang. Kerana itu, ia harus dijaga, dipupuk dan dipelihara sebaik-baiknya.

10. Sesungguhnya, kemerdekaan adalah sebuah anugerah yang besar lagi tidak ternilai. Ia mengajar warganya berdiri di atas kaki sendiri, tumbuh dewasa serta matang.

11. Justeru itu, kita wajar untuk terus menghitung syukur ke hadrat Illahi, kerana selama hampir 60 tahun, kita telah sama-sama mengharungi dan melalui suka duka dalam merealisasikan agenda murni pembinaan sebuah negara bangsa.

12. Akan tetapi mutakhir ini, menjelang detik kita menyambut kemerdekaan ke-60, ada pula segelintir pihak yang sanggup dan tergamak mahu mencetuskan bibit-bibit perpecahan, persengketaan dan menyemarakkan api permusuhan.

13. Dari itu, beringat dan waspadalah semua, jika kita tidak bersatu, jika kita hilang solidariti dan jika kita hilang kesepaduan, tentunya segala masalah tidak akan dapat diselesaikan, bahkan segala yang kita bina secara susah payah selama ini akan hancur dan musnah begitu sahaja.

14. Oleh sebab itu juga, ingatlah dalam pada kita bersusah payah memupuk solidariti dan perpaduan, kita tidak mahu terjadinya babak-babak atau episod perpecahan, yang akan memusnah dan meranapkan segala yang telah kita bina selama ini.

15. Sanggupkah kita membiarkan tanah air ini, hancur berkecai, punah dalam sekelip mata dek angkara segelintir pengkhianat.

16. Kata orang dulu-dulu, biar putih tulang jangan putih mata. Para pendurjana dan petualang bangsa serta negara ini, mesti kita tentang habis-habisan.

17. Pada saat dan ketika ini, yang kita depani bukan setakat musuh luar, sebaliknya penjajahan bentuk baharu, yang meresap dan meracuni minda rakyat, sehingga melibatkan 'tangan-tangan kotor' orang dalam negara sendiri!

18. Ayuh hayati sejenak kata-kata pejuang tersohor, Mahatma Ghandi yang menyebut bahawa; makna kemerdekaan itu adalah pendisiplinan dan kepatuhan kepada 'Rule Of Law'.

19. Bukanlah seperti apa yang cuba dilakukan oleh segelintir puak yang hendak menjatuhkan kerajaan secara tidak demokratik, membuat referendum-referendum, deklarasi atau menghasut dan meracuni pemikiran rakyat untuk berdemo di jalanan.

20. Sedangkan dalam ajaran Islam sendiri dan dibahaskan oleh para ulama muktabar bahawa, 'Matlamat tidak sesekali menghalalkan cara'.

21. Perlu diingat, merdeka itu ertinya berdiri di atas kaki sendiri, dengan acuan dan kemahuan kita sendiri.

HAYATI SEJARAH KEMERDEKAAN

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

22. Bila berbicara mengenai kemerdekaan, juga sebagai rakyat malaysia, tidak kira apa bangsa pun, harus bahkan sewajibnya kita beringat-ingat akan sejarah tentang siapakah yang telah mengetuai perjuangan menuntut kemerdekaan.

23. Kerana itulah, kita mesti bersungguh-sungguh mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh bapa-bapa kemerdekaan tanahair yang dipelopori oleh umno, bersama parti-parti komponen lain, sejak puluhan tahun yang lalu.

24. Yang paling mustahak, bagaimanakah kita sebagai rakyat malaysia, tidak kira apa warna kulit, bangsa, keturunan, mahupun agama, dapat menzahir dan membuktikan kesyukuran terhadap nikmat kemerdekaan yang kita kecapai hari ini.

25. Cukupkah bagi kita sekadar menggantung bendera atau menganjurkan perhimpunan atas nama meraikan kemerdekaan, tetapi jiwa kita masih kosong tanpa sebarang roh atau rasa penghayatan akan peri penting pengisian sewajarnya kepada kebebasan sebuah negara bangsa yang telah kita bina selama ini.

26. Jika dihitung dari segi usia kemerdekaan sejak 31 Ogos tahun 1957, Malaysia tercinta ini sudah mencecah usia 60 tahun.

27. Apa yang pasti, kurniaan kemerdekaan, bukan sahaja satu rahmat, bahkan menurut pandangan para ulama dan bijaksana, ianya suatu 'karomah' kepada bumi malaysia.

28. Dalam mengejar kemajuan, pembangunan luar bandar akan terus menjadi agenda utama kerajaan, dan sentiasa diberi perhatian serius.

29. Merujuk kepada pembangunan malaysia sebagai sebuah negara maju dalam tempoh enam dekad lalu, bermula hanya dari kampung-kampung kecil, pedalaman yang terpencil, sekarang Alhamdulillah, kita sudah mampu berdiri sama tinggi di kalangan negara-negara yang pesat membangun di dunia.

30. Hakikatnya, berjaya dan majunya Malaysia sehingga sekarang, merupakan hasil mahsul usaha gigih pentadbiran cekap serta sistematik kerajaan Barisan Nasional yang dulunya dikenali sebagai Parti Perikatan, yang ditunjangi UMNO.

31. Merdeka itu ertinya bebas dari campur tangan asing. Lebih besar dari itu, merdeka juga bererti sebuah anjakan dan transformasi dari kemunduran kepada kemajuan serta keunggulan.

32. Walau apapun cabaran yang datang, meski apapun dugaan yang melanda, sebagai bangsa yang merdeka, tidak mungkin untuk kita membiarkan Malaysia yang sudah merdeka hampir enam dekad lalu, jatuh.

33. Bahkan kita tekad dan komited untuk terus menggilap dan membangun tanah air tercinta ini sebagai sebuah negara yang makmur di pentas dunia sampai bila-bila.

34. Bersamalah kita berdiri, ayuh kita bangkit, dengan hati yang ikhlas dan tekad yang diperbaharui, memandangkan masa depan dengan jiwa yang gagah serta merdeka dalam satu solidariti, senada seirama, sehati sejiwa, dan ayuh kita semarakkan tekad memakmurkan malaysia serta mensejahterakan rakyat.

35. Sekali layar sudah dikembangkan, apabila sauh sudah dilabuhkan, pantang nakhoda dan anak-anak kapalnya beralih haluan.

36. Sebagai penutup bicara, kepada Allah kita memohon pertolongan dan ingatlah, kita punya satu kesamaan sebagai anak merdeka, berkongsi satu tujuan, satu matlamat yakni impian 1Malaysia!

37. Akhir kalam, izinkan saya menyampaikan pesanan buat seluruh warga FELCRA, untuk sama-sama kita hayati dan renungi secara tuntas tentang erti sebenar merdeka sebagai panduan kelangsungan perjuangan mengisi kemerdekaan.

Tahun 2017...
Genap 60 tahun negara kita merdeka
Kepayahan mendapatkannya telah kita tempuhi
Cabaran mempertahankannya sedang kita hadapi
Hari ini kita tegap di sini
Berdiri gagah...terus bebas dari dijajah
Tanpa menoleh...menuju bangsa yang terbilang
Transformasi kita laksana
Perpaduan kita paksikan
Kesejahteraan rakyat kita utamakan
Wahai sahabat...wahai anak bangsaku...
Ayuh...kita semua rakyat malaysia...
Bersama bangkit harumkan negara
Agar malaysia terbilang di mata dunia

Merdeka...! Merdeka...! Merdeka...!

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.